



Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera/Bukan Bumiputera (Jawatan Akademik) yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Pensyarah Sambilan Sepenuh Masa (PTFT)** di UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat.

#### A. JAWATAN AKADEMIK

UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT	FAKULTI/KOLEJ PENGAJIAN	BIDANG	JADUAL GAJI	
			SARJANA MUDA	SARJANA/ DOKTOR FALSAFAH
	AKADEMI PENGAJIAN BAHASA	BAHASA ARAB	RM 2,300.00	RM 2,800.00

#### JAWATAN AKADEMIK

##### PENSYARAH SAMBILAN SEPENUH MASA (PTFT)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia
  - (b) Pemohon-pemohon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
  - (c) Syarat Kelayakan
    - i. Mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf.
    - ii. Calon-calon mestilah memiliki kelayakan CGPA 3.00 dan ke atas atau Kelas Kedua Tinggi di peringkat Sarjana Muda bagi semua bidang.
    - iii. Memiliki kelayakan Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Universiti.
    - iv. Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
    - v. Menguasai Bahasa Inggeris (lisan dan tulisan) dengan baik.
    - vi. Telah tamat pengajian sepenuhnya (sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana).
    - vii. Calon yang sedang mengikuti program sarjana tidak boleh dipertimbangkan walaupun telah memiliki Ijazah Sarjana Muda.
    - viii. Mempunyai rekod peribadi yang baik. Calon yang pernah dibuangkerja atas sebab tatatertib tidak boleh dipertimbangkan.
    - ix. Mempunyai pengalaman mengajar merupakan satu kelebihan.

2. Peringatan

- (a) Pemohon mestilah mereka yang benar-benar ingin mengisi kekosongan jawatan-jawatan Awam di UiTM
- (b) Pastikan maklumat yang benar sahaja diisi. Pemohon yang mengemukakan maklumat palsu atau mengelirukan akan disenaraihitamkan dan boleh diambil tindakan undang-undang.
- (c) Had umur calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah tidak melebihi 50 tahun. Manakala had umur calon yang memohon bagi kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL), adalah tidak melebihi 54 tahun pada tarikh lantikan.

3. Keterangan Am

- (a) Pemohon hanya boleh memohon satu jawatan untuk satu masa. Pemohon yang memenuhi syarat kelayakan serta melepasi tapisan yang ditetapkan akan dipanggil temuduga.
- (b) Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses. Pemohon boleh mengemaskini maklumat peribadi atau maklumat lain sebelum tarikh tutup iklan jawatan kosong.

4. Arahan Mengisi Borang *Online*

- (a) Mulakan dengan membuat pendaftaran nombor kad pengenalan dan kata laluan. Pastikan nombor kad pengenalan anda adalah betul untuk memastikan borang permohonan anda dapat diproses.
- (b) Pilih kelayakan sijil tertinggi anda iaitu sama ada Ijazah/Sarjana/Phd, Diploma/Sijil/STPM/STAM/HSC, SPM/MCE, PMR/SRP, KPSL. Kelayakan ini akan menentukan jawatan-jawatan yang anda layak memohon.
- (c) Hanya calon yang layak selepas tapisan dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

5. Tarikh tutup permohonan adalah pada **24 Mac 2024 (AHAD)**.